



31 Disember 2014
31 December 2014
P.U. (A) 364

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH FI (PERUBATAN) (PINDAAN) 2014

FEES (MEDICAL) (AMENDMENT) ORDER 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA FI 1951

PERINTAH FI (PERUBATAN) (PINDAAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Fi 1951 [*Akta 209*],
Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2014.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 31 Disember 2014.

Pindaan perenggan 1

2. Perintah Fi (Perubatan) 1982 [P.U. (A) 359/1982], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam subperenggan 1(3)—
 - (a) dalam subsubperenggan (b), dengan memotong perkataan “dan” yang terdapat di hujung subsubperenggan itu;
 - (b) dalam subsubperenggan (c), dengan menggantikan noktah di hujung subsubperenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan
 - (c) dengan memasukkan selepas subsubperenggan (c) subsubperenggan yang berikut:
“(d) orang asing.”.

Pindaan perenggan 2

3. Perintah ibu dipinda dalam subperenggan 2(1) dengan memasukkan selepas takrif “pengamat persendirian” takrif yang berikut:

' "penjagaan harian" ertinya penjagaan pesakit yang dimasukkan ke unit rawatan harian di hospital atau pusat rawatan khas, bagi tempoh kurang daripada dua puluh empat jam atas rujukan oleh pegawai perubatan bagi prosedur perubatan termasuk bagi tujuan pencegahan, penyiasatan, terapi dan rehabilitasi;'.

Pemotongan perenggan 8A

4. Perintah ibu dipinda dengan memotong perenggan 8A.

Perenggan baru 11A

5. Perintah ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 11 perenggan yang berikut:

"Fi untuk 11A. Fi bagi penjagaan harian pesakit adalah seperti yang dinyatakan penjagaan dalam Jadual C hingga H dan fi bagi wad adalah berdasarkan kadar wad harian pesakit kelas tiga dalam Jadual B.".

Pindaan perenggan 16

6. Perintah ibu dipinda dalam perenggan 16 dengan memotong subperenggan 6A.

Pindaan perenggan 17

7. Perintah ibu dipinda dalam perenggan 17—

(a) dengan memotong proviso; dan

(b) dengan menggantikan noktah bertindih di hujung perenggan dengan noktah.

Pemotongan Jadual FA, FB dan FC

8. Perintah ibu dipinda dengan memotong Jadual FA, FB dan FC.